

## **KETOKOHAN TRANSFORMASIONAL PENDIDIKAN ISLAM NEGERI SELANGOR: KAJIAN TOKOH SEMPENA 20 TAHUN KISDAR-KUIS**

*(Selangor Transformational Islamic Education Scholar: A 20 Years Study of KISDAR-KUIS)*

Rosfazila Abd Rahman, Siti Rashidah Abd Razak, Abdul Razif Zaini, Zetty Nurzuliana Rashed

### **ABSTRAK**

Penelitian deskriptif adalah salah satu jenis penelitian yang bertujuan untuk menjelaskan gambaran lengkap mengenai suatu tetapan sosial atau dimaksudkan untuk eksplorasi dan klarifikasi mengenai suatu fenomena atau kenyataan sosial, dengan jalan mendeskripsikan sejumlah variabel yang berkenaan dengan masalah dan unit yang diteliti antara fenomena yang diuji. Tujuan kajian deskriptif ini adalah menghasilkan gambaran jelas tentang ketokohan Pendidikan Islam dengan mengkaji tokoh iaitu Profesor Dato' Haji Mohd Adanan Bin Isman dalam bidang Pendidikan Islam. Kajian memberikan gambaran lengkap dalam bentuk verbal dan numerikal, menyajikan informasi, menciptakan seperangkat kategori dan mengklasifikasikan subjek penelitian, menjelaskan seperangkat tahapan atau proses, serta untuk menyimpan informasi bersifat kontradiktif mengenai subjek penelitian. Prof Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman adalah berkepakaran dalam bidang Pendidikan Islam. Profil dan sumbangan beliau dalam bidang kajian tidaklah dapat disangkal dan amat menyumbang kepada Pendidikan Islam khususnya dan pembangunan ummah amnya.

**Kata Kunci:** Kajian tokoh, Pendidikan Islam, Pendidikan Islam Selangor, kajian diskriptif, sosiolinguistik

### **ABSTRACT**

Descriptive research is one of the types of research aimed at explaining the complete description of a social setting or intended for exploration and clarification on a phenomenon or social reality, by describing a number of variables related to the problem and the units examined between the tested phenomena. The purpose of this descriptive study is to produce a clear description on Selangor Islamic Education scholar by studying the character of Professor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman in Islamic Education. The study provides a complete description in verbal and numerical form, present information, create a set of categories and classify research subjects, describe a set of steps or processes, and to store information contradictory about the subject of research. Prof. Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman is a scholar in Islamic Education. His profile and contributions in the field of study are irrefutable and contribute greatly to Islamic Education in particular and the development of the ummah in general.

**Keywords:** scholarly studies, Islamic Education, Selangor Islamic education, descriptive research, sociolinguistics

## **PENGENALAN**

Kajian memberikan gambaran lengkap dalam bentuk verbal dan numerikal, menyajikan informasi, menciptakan seperangkat kategori dan mengklasifikasikan subjek penelitian, menjelaskan seperangkat tahapan atau proses, serta untuk menyimpan informasi bersifat kontradiktif mengenai subjek penelitian.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan menghasilkan gambaran jelas tentang ketokohan Profesor Dato' Haji Mohd Adanan Bin Isman dalam bidang Pendidikan Islam. Kajian memberikan gambaran lengkap dalam bentuk verbal dan numerikal, menyajikan informasi, menciptakan seperangkat kategori dan mengklasifikasikan subjek penelitian, menjelaskan seperangkat tahapan atau proses, serta menyimpan informasi bersifat kontradiktif mengenai subjek penelitian. Prof Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman adalah berkepakaran dalam bidang Pendidikan Islam. Kajian ini mengungkap profil dan sumbangan beliau yang telah banyak menyumbang kepada Pendidikan Islam khususnya dan pembangunan ummah amnya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penelitian deskriptif adalah salah satu jenis penelitian yang tujuannya untuk menyajikan gambaran lengkap mengenai suatu tetapan sosial atau dimaksudkan untuk eksplorasi dan klarifikasi mengenai suatu fenomena atau kenyataan sosial, dengan jalan mendeskripsikan sejumlah variabel yang berkenaan dengan masalah dan unit yang diteliti antara fenomena yang diuji. Dalam penelitian ini, pengkaji telah memiliki penentuan jelas tentang subjek penelitian dan menggunakan pertanyaan *siapa* dalam menggali informasi yang diperlukan. Tujuan penelitian deskriptif adalah menghasilkan gambaran tepat tentang sebuah kelompok, menggambarkan mekanisme sebuah proses atau hubungan, memberikan gambaran lengkap baik dalam bentuk verbal atau numerikal, menyajikan informasi dasar akan suatu hubungan, menciptakan seperangkat kategori dan mengklasifikasikan subjek penelitian, menjelaskan seperangkat tahapan atau proses, serta menyimpan informasi bersifat kontradiktif mengenai subjek penelitian. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif yang mana ianya sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan (Crawford & Irving 2009). Sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan, kajian kes dipilih sebagai strategi kajian manakala temu bual dan analisis dokumen sebagai teknik kajian (Ahmad Naquiuddin 2008a; Neuman).

## **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA Pendidikan Islam Menurut**

### **Bahasa**

Pendidikan dalam Islam menurut bahasa terdiri daripada tiga perkataan utama iaitu *tarbiyyah, ta'lim dan ta'dib*. Perkataan *tarbiyyah* adalah asal daripada bahasa Arab iaitu *rabba yarbu riba rabw* yang membawa makna bertambah, biak dan naik (Ibn Manzbur, 1997). Kata terbitan *rabba yurabbi tarbiyyatan* yang bermaksud mengasuh dan mendidik. Perkataan ini diambil pula perkataan *al Rabb* yang merujuk kepada Tuhan. Manakala perkataan *rabbani* atau *rabbaniyyah* pula merujuk kepada yang dinisbahkan kepada taat kepada Tuhan.

Perkataan *rabba* yang menjadi dasar kepada perkataan *tarbiyyah* disebut sebanyak 20 kali dalam al-Quran (Quranic Dictionary). Dalam bidang Pendidikan Islam perkataan *tarbiyyah* didasari maknanya daripada ayat 24 surah al-Isra':

*“dan hendaklah Engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, Dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.”*

Oleh itu *tarbiyyah* ialah satu proses membentuk keperibadian manusia dari satu tahap ke satu tahap sehingga mencapai matlamat terakhir iaitu insan yang sempurna dengan pengabdian diri tulus ikhlas kepada Allah S.W.T (Siti Rashidah et.all, 2012)

Selain itu, perkataan *ta'lim* juga turut digunakan dalam memperjelaskan makna pendidikan menurut Islam. Ia merupakan perkataan bahasa Arab dari kata dasar *'alima ya'lamu 'ilman* yang bermaksud tahu, mengetahui dan dapat tahu. Selain *'allama, 'alima* juga membentuk kalimah *ta'allama yata'allamu ta'alluman* yang bererti belajar dan pembelajaran (Ibnu Manzbur, 1997). Perkataan ini membawa maksud bahawa proses pendidikan adalah satu proses mengajar dan belajar yang berimbal balik dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan.

Secara khusus, perkataan *'allama-yu'allimu* disebut 43 kali dalam al-Quran (Quranic Dictionary) Dalam Surah al Baqarah ayat 31, Allah berfirman:

*“dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan Segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan Yang benar”.*

Ini menerangkan *ta'lim* bermaksud proses pengajaran atau perpindahan ilmu kepada manusia untuk merealisasikan fungsi, tugas dan statusnya sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi ini (Siti Rashidah, et all, 2012)

Perkataan lain yang paling kerap digunakan untuk memberi kefahaman maksud pendidikan dalam Islam ialah *ta'dib*. *Ta'dib* berasal daripada dua kata akar iaitu *aduba ya'dubu adab* yang bererti santun, beradab dan sopan. Manakala kata akar yang lain pula ialah *adaba ya'dibu udb* atau *adaba yu'adibu idab*. Kedua-dua perkataan ini boleh membawa maksud membuat jamuan (makanan). Walaupun demikian, kedua-dua kata akar tersebut boleh membentuk perkataan *addaba yuaddibu ta'dib* yang bermaksud mengajar beradab, melatih dan menyeksa (Ibnu Manzbur, 1997)

Dalam Kamus Dewan (2005), *tarbiyyah* dikatakan lebih menghampiri maksud pendidikan. Perkataan ini yang berasal daripada kata kerja “didik” membawa maksud pelihara, ajar atau jaga dengan hati-hati. Apabila diberi imbuhan “pen” dan “an” ia membawa maksud perihal mendidik atau pengetahuan mendidik yang meliputi latihan dan pengajaran (Kamarul Azmi Jasmi, 2007).

Al Nahlawy pula menyatakan *tarbiyyah* mengandungi tiga unsur iaitu menjaga dan memelihara anak, mengembangkan bakat dan potensi serta mengarahkan bakat dan potensi tersebut agar mencapai kebaikan dan kesempurnaan secara berperingkat-peringkat. (1983). Konsep *tarbiyyah* merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar.

## Sejarah Pendidikan Islam

Pendidikan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w bermula seawal penurunan ayat 1 hingga 5 Surah al 'Alaq di Gua Hira':

1. Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk)

2. Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku,
3. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah,
4. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan,
5. Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya.

Bertitik-tolak dari itulah pendidikan Islam mula berkembang dari tahap rahsia di Mekah sehinggalah ke tahap penyebarannya secara terang-terangan di Bukit Safa apakala Allah S.W.T menurunkan ayat perintah dakwah dijalankan secara terbuka:

*“oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa Yang diperintahkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan janganlah Engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu”*

Dengan perintah tersebut, pendidikan Islam dilakukan secara umum meliputi semua tempat di sekitar kota Mekah dan golongan di luar Mekah yang datang mengerjakan haji. Tindakan penyebaran Islam secara terbuka itu telah mendatangkan kemarahan kepada golongan kafir Quraisy sehinggalah pelbagai penganiayaan dilakukan ke atas Rasulullah s.a.w serta para pengikutnya dan kemuncaknya dengan melakukan sekatan ekonomi dan urusan jual beli dengan golongan Islam dan keluarga Bani Hasyim. Sehinggalah pada tahun ke 11 daripada kerasulan nabi Muhammad s.a.w Pendidikan Islam mula bersinar dan berkembang apabila termeterinya Perjanjian Aqabah 1.

### **Pendidikan di Madinah**

Banyak faktor yang menggesa penghijrahan Rasulullah SAW dan hijrah adalah satu permulaan baharu bagi meneruskan kelangsungan dakwah dan pendidikan Islam. Bermula pada tahun 622 Masihi, baginda telah membina Masjid Quba' dan Masjid Nabawi yang kemudiannya menjadi pusat penyebaran Islam serta pusat pendidikan utama. Pendidikan disampaikan melalui khutbah, usrah dan halaqah ketika itu. Gurunya adalah Rasulullah sendiri dan kurikulum awalnya adalah al Qur'an dan as Sunnah.

Walaupun struktur pengajian di masjid tidak formal tetapi Rasulullah membina tempat belajar di sebelah masjid iaitu As Suffah yang menjadikan Pendidikan Islam lebih sistematik. Kurikulumnya semakin bertambah merangkumi bidang akidah, syariah, muamalah, menunggang kuda, bermain pedang, bergusti serta lumba lari. Umumnya konsep pendidikan awal di Madinah lebih tertumpu kepada ibadat, syariah, membaca dan menulis. Kemudian pendidikan semakin berkembang apabila Rasulullah s.a.w menghantar beberapa sahabat keluar dari Madinah untuk mengajar tentang Islam termasuklah Muaz bin Jabal dan Abu Musa Al 'Asy'ari yang dihantar ke Yaman (Yahya Mahmud Sulman, 2005).

### **Institusi Islam di Alam Melayu**

Perkembangan pendidikan Agama di Tanah Melayu mengalami empat tahap seperti yang berikut:

- i. Institusi rumah imam atau guru
- ii. Institusi pondok
- iii. Institusi madrasah
- iv. Sistem sekolah sekular

Pada peringkat awal guru yang datang mengajar tentang Islam di alam Melayu terdiri daripada mereka yang datang dari Parsi, Arab dan India. Pengajian al Qur'an diterapkan seawal

6 tahun. Murid juga diperkenalkan dengan tulisan jawi dan pelajaran fiqh bagi golongan dewasa. Pendidikan pada zaman itu ditumpukan kepada asas-asas agama tentang cara-cara solat, puasa dan cara bersuci. Manakala ketika pendidikan institusi pondok, rumah-rumah murid dibina mengelilingi rumah guru. Di sana mereka belajar tentang agama tanpa ada kekangan umur. Antara negeri yang banyak terbinanya pondok termasuklah Kelantan, Terengganu dan Kedah. Di sana kurikulumnya ialah tauhid, fiqh, tasawuf dan tarekat. Pendidikan pondok tidak mempunyai bentuk yang selaras yang dapat dijadikan panduan kepada pondok-pondok yang lain. Walaupun sistem pengajian pondok dilihat masih kekurangan daripada beberapa aspek, namun ia lebih baik daripada sistem belajar di rumah guru dan imam (Ghazali, 2002).

Tempoh sistem pendidikan Islam yang paling sistematik adalah pada era institusi madrasah. Ia lahir atas gerakan Islah pada abad ke 20 yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin al Afghani dan Muhammad Abduh. Sistem ini masuk ke semenanjung melalui Syeikh Tahir Jalaluddin al Falaki. Ia menyebabkan semangat pemuda-pemuda Islam keluar menuntut ilmu ke Mekah dan di al Azhar, Mesir. Setelah kembali mereka menyalakan semangat memahami Islam sebagai satu cara hidup pada masyarakat khususnya di Semenanjung Tanah Melayu. Madrasah di Bukit Mertajam telah dibina seawal 1906 kemudian diikuti 1908 madrasah Iqbal di Singapura. Sistem pendidikan madrasah berbentuk lebih formal dan sistematik. Kurikulum yang diajar meliputi fardu ain dan fardu kifayah seperti ilmu hisab, ilmu alam, bahasa Arab dan lain-lain yang dianggap penting ketika itu (Ghazali, 2002).

### **Sistem Sekular**

Sistem madrasah sedikit terganggu selepas era kemerdekaan. Ini berikutan kelahiran dasar pelajaran kerajaan Malaysia yang sekular mengakibatkan sekolah-sekolah agama atau madrasah menjadi lumpuh. Dasar pelajaran kerajaan seperti Penyata Pelajaran Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960 memberi gambaran berbeza terhadap sistem pelajaran madrasah iaitu jaminan ekonomi lebih jelas kepada pelajar lulusan sekolah-sekolah kerajaan. Keadaan ini serba sedikit telah melumpuhkan sistem sekolah agama dan madrasah ketika itu berikutan desakan ekonomi telah mula dirasai oleh masyarakat sedangkan sekolah agama dan madrasah kekurangan pelajar dan sumber kewangan untuk terus diperbaiki. Pada masa itulah kerajaan telah mendapat peluang dengan mengambil alih sekolah-sekolah agama yang lumpuh dengan mengubahsuai kurikulumnya kepada yang lebih selari dengan dasar pelajaran Kerajaan Malaysia.

### **Pendidikan Islam pada Era Baharu**

Peredaran masa telah memberi kesedaran semula kepada golongan ibubapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah aliran agama. Walaupun sistem dan kurikulum di sekolah-sekolah agama sekarang tidak hanya menumpukan kepada aspek kerohanian tetapi penambahbaikan dalam aspek penyelenggaraan dan pengurusan telah membuka mata ibubapa untuk memberi pendidikan agama yang terbaik untuk anak masing-masing. Banyak sekolah agama berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan negeri mahupun sekolah agama dan tahfiz yang telah dibina sama ada oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan dan syarikat-syarikat korporat. Keadaan ini berikutan masyarakat kembali menyedari hanya dengan pendidikan Islam lengkap dan sempurna dapat melahirkan generasi Rabbani yang tidak mudah dipengaruhi dengan gejala sosial yang pelbagai dalam masyarakat hari ini (Ghazali, 2002).



## Pendidikan Islam di negeri Selangor

Sultan atau raja dalam negara Malaysia telah dinobatkan sebagai ketua agama Islam sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(2), (3) dan (5). Dalam konteks sistem pentadbiran di negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor adalah Ketua Agama Islam Selangor selaras dengan Bab 1, Perkara XLVIII Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Bermula sekitar tahun 1875, Undang-undang Islam diperkemas dengan usaha Almarhum Sultan Abdul Samad. Baginda memberi laluan untuk diwujudkan sebuah institusi yang mengendalikannya hal-hal perkahwinan, penceraian dan kesalahan-kesalahan yang melanggar undang-undang Islam.

Semasa pemerintahan Almarhum Sultan Aladdin Suleiman Shah (1898-1938) baginda telah membina sekolah-sekolah agama, syarikat-syarikat Islam serta kegiatan dakwah Islamiah seperti ceramah dan kelas-kelas agama. Baginda almarhum turut mengarang beberapa buah buku agama (Ahmad Zaki, 2011)

Raja dan istana merintis jalan dan ruang untuk Islam bertapak di negeri Selangor. Kewujudan Kesultanan Bugis di Kuala Selangor membuka lembaran yang cukup bermakna terhadap sejarah perkembangan Islam di negeri ini. Peninggalan Kota Melawati, Kuala Selangor merupakan mercu tanda ia merupakan pusat pemerintahan kerajaan Bugis ketika tu yang merakamkan undang-undang Islam supaya dirujuk sebagai undang-undang negeri.

Ringkasnya pendidikan Islam sangat ditekankan di negeri Selangor sehinggakan pada masa dahulu hubungan antara umara' (pemimpin) dan 'ulamak sangat akrab sehingga setiap keputusan yang ingin dibuat oleh Sultan akan dirujuk kepada golongan ulamak terlebih dahulu.

## Kajian Ketokohan

Tokoh menurut kamus Dewan (2010) adalah rupa atau keadaan yang tampak pada zahirnya, bentuk dan sifatnya, macam atau jenis. Ketokohan pula bermaksud perihal tokoh (Kamus Dewan 2010). Kajian ketokohan merupakan salah satu cara efektif bagi mengukur kesedaran masyarakat dalam memahami kehidupan dan sumbangan seseorang tokoh khususnya dalam konteks keagamaan (Aajid Thohir, tt). Kajian ketokohan mampu memberikan sumbangan dalam memperkaya sejarah Islam serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan sesuatu komuniti ([http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhab-fiqh-dan-tasawuf#\\_ftn3](http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhab-fiqh-dan-tasawuf#_ftn3)).

Kajian ketokohan merupakan disiplin ilmu yang tidak asing dalam masyarakat Islam. *Ilm al-Rijal* merupakan perintis kepada kajian ketokohan. Ia merupakan cabang ilmu hadis yang dijadikan sandaran dalam menentukan kredibiliti perawi bagi periwayatan hadis Rasulullah saw. Beberapa kriteria khusus ditentukan sebagai pra syarat ketat yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum dinobatkan sebagai perawi yang *thiqah* dan *dhabit*. Secara umumnya, seseorang pemimpin atau tokoh itu perlulah memiliki kriteria khusus. Zainal Abidin Mohamad (1998) menjelaskan bahawa seseorang tokoh itu perlulah memiliki keyakinan diri, bertanggungjawab, cepat menyesuaikan diri dengan keadaan, suka bergaul, diterima masyarakat dan mempunyai wawasan.

Kajian-kajian ketokohan banyak menyentuh tentang aspek profil, personaliti, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi dan anugerah serta hadiah (Hackman, 1976; Bevis 1984; Duke 1989; Blasé 1987; Hussein 1993; Timah Hamzah 1981; Abdrahman Badawi 2003; Mohd Nor 2005; Ikmal Hisham 2012; Rosfazila et al, 2015). Kajian-kajian ketokohan telah dilakukan di dalam pelbagai bidang pengkhususan seperti falsafah, agama, sains kemanusiaan dan kemasyarakatan, ekonomi, politik, undang-undang, sastera, kenegaraan dan patriotisme, sukan, juga sains tulen.

### **Tokoh Menurut Pandangan Ilmuwan Islam**

Mengikut pandangan al Mawardi, seorang pemimpin perlu mempunyai sifat seorang yang adil dalam memimpin pekerja dalam sesebuah organisasi. Seorang pemimpin juga perlulah seorang yang berfikiran matang dan berani berijtihad dalam melakukan tugasnya. Seorang pemimpin juga menurut Al Mawardi perlulah memiliki pancaindera yang sempurna. Beliau juga perlu mempunyai ilmu agama yang tinggi. Hal ini kerana dengan adanya ilmu agama yang tinggi secara tidak langsung dapat mengelakkan seorang pemimpin daripada melakukan perkara yang mungkar. Seorang pemimpin juga perlu mempunyai anggota badan yang sempurna supaya boleh menguruskan pekerjaannya dengan sempurna (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

Imam Al-Ghazali pula menjelaskan bahawa pemilihan seorang pemimpin perlulah seorang yang hidupnya dengan cara sederhana tidak terlalu membazir dengan harta yang dimiliki olehnya. Seorang pemimpin juga perlulah melaksanakan kerja dengan tenang tanpa merungut dengan pekerjaan yang dilakukannya. Dia juga harus cuba memuaskan semua pihak jika hal itu tidak melanggar undang-undang dan peraturan. Seorang pemimpin juga menurut Imam al-Ghazali perlulah mempunyai sifat kesedaran akan tanggungjawab besar jawatannya. Seorang pemimpin juga perlulah seorang yang suka bersahabat dengan para ilmuan dan mendengar arahan para ilmuan tersebut. Hal ini kerana supaya seorang pemimpin tersebut tidak melanggar undang-undang yang telah digariskan dalam Islam ataupun tidak terpesong daripada landasan agama Islam yang telah ditetapkan oleh syarak (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

### **Tokoh Menurut Pandangan Ilmuwan Barat**

Tokoh barat, Edwin Ghiselli menyatakan bahawa seorang pemimpin perlulah mempunyai sifat kesungguhan dan keyakinan kepada diri sendiri. Tanpa sifat kesungguhan dan keyakinan dalam diri sendiri boleh menyebabkan sesebuah organisasi tidak akan berjalan dengan baik. Begitu juga dengan kecerdasan yang terlalu tinggi atau kecerdasan yang terlalu rendah akan mengurangkan keberkesanan memimpin (Mustafa Hj. Daud, 1996).

Selain itu, Ralph M. Stogdill berpendapat, seorang pemimpin perlulah mempunyai kecerdasan dan kemampuan juga bijak, matang, mempunyai harta sebagai modal supaya seorang pemimpin tersebut dapat menguruskan organisasinya dengan baik. Seorang pemimpin juga perlu mempunyai sifat sosial iaitu daya kerjasama, kemampuan berkomunikasi dan berkebolehan untuk bermasyarakat (Mustafa Hj. Daud, 1996). Selain daripada itu, seorang pemimpin juga seharusnya mempunyai sifat keperibadian iaitu berkebolehan, agresif dan berkeyakinan tinggi dalam menjalankan tugas sebagai seorang pemimpin (Mustafa Hj. Daud, 1996).

Menurut Andreas Tolk (2012) terdapat 12 ciri-ciri tokoh dan ketokohan iaitu difinisi, pelupusan, penyerapan, berautoriti, kegigihan, semangat, jaringan, pengiktirafan, produktiviti, daya juang, etika dan kesetiaan. Tolk (2012) juga menyenaraikan 18 ciri-ciri penting tambahan yang disenarai silangkan iaitu berkeupayaan menyelia, sumbangan, integriti, ketabahan, khidmat masyarakat, minda terbuka, visi, sudut pandang dan perintah. Lebih menarik lagi, Etika dan Penyerapan adalah dikenal pasti sebagai ciri-ciri yang paling penting dalam semua ciri-ciri seorang tokoh / ketokohan di mana etika bermaksud ciri-ciri profesional, etika dan berakar dalam kejujuran tentang kerja sendiri, menerima kritikan yang membina, melayan orang lain dengan hormat, dan tidak mendapat kelebihan peribadi daripada yang disediakan untuk jawatan manakala penyerapan pula adalah ciri-ciri seperti berpengetahuan atau berkepakaran (Tolk 2012).

## **DAPATAN KAJIAN**

### **PROF DATO HAJI MOHD ADANAN BIN ISMAN Pendidikan Awal**

Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman dilahirkan pada 28 April 1951 di Sekincan, Selangor, Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Leman, Sekincan sehingga tamat darjah enam. Setelah itu beliau melanjutkan pelajaran ke Madrasah Tarbiyah Islamiyah, Parit Raja, Batu Pahat Johor di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan mengambil Sijil Darjah Khas Negeri Johor di Sekolah Agama Pintas Puding Batu Pahat, Johor sebelum ke sekolah Agama Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Batu 38 Sabak Bernam sehingga tamat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1971. Pada tahun 1973 beliau mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Kolej Islam Klang sehinggalah mendapat Diploma Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1978.

### **Perkhidmatan dan Penjawatan**

Tokoh ini telah memulakan kerjaya pada Disember 1978 sebagai guru sandaran terlatih di Sekolah Tinggi Klang. Kemudian pada 15 Januari 1979 beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah D1 di Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin Kampung Jawa Klang, Selangor. Empat tahun kemudian iaitu pada 1 Disember 1983, beliau telah dilantik sebagai Pengetua Sekolah Menengah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah Seksyen 11 Shah Alam selama 2 tahun sebelum menjadi pengetua di Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin Kampong Jawa, Klang. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pendidikan Islam) di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan menjadi Presiden / Ketua Eksekutif Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR) pada Januari 2002.

### **Sumbangan dan Anugerah**

Beliau pernah mendapat beberapa anugerah semasa berkhidmat seperti kenaikan ke D1 Tingkatan Kanan pada 21 Julai 1986 dan Gred DG2 pada 1 Julai 1991. Pada tahun 1996 beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Bintang Kebesaran Setia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSA) oleh DYMM Sultan Selangor.

Beliau merupakan seorang yang giat dan aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Agama Menengah Negeri Selangor, Pengerusi Badan Kebajikan Guru-guru Daerah Klang, Ahli Jawatankuasa Persatuan Ulama' Selangor, Jawatankuasa Khutbah Negeri Selangor, Lembaga Penyelaras Pendidikan Islam (LEPAI), Panel Pendakwah Negeri Selangor, Setiausaha Jawatankuasa Penubuhan Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) selain menjadi penulis makalah dan khutbah Negeri Selangor.

Beliau telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) sempena ulangtahun keputeraan DYMM Sultan Selangor ke-58 pada 11 Disember 2003 bertempat di Istana Alam Shah, Klang Selangor yang membawa gelaran Dato' (Minda Presiden 2004). Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman telah dianugerahkan Profesor dari Akademi Banking Republik Kazakhstan pada tahun 2009 yang membawa gelaran Profesor. Beliau juga telah dianugerahkan sebagai tokoh guru JAIS bagi tahun 2010. Majlis Sambutan Hari Guru JAIS peringkat negeri Selangor telah diadakan di Dewan Jubli Perak Bangunan S.U.K di Shah Alam.

Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman merupakan Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dari tahun 2002 hingga 2010. Beliau berperanan besar dalam memacu falsafah, misi dan visi KUIS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam (IPTI) tersohor. Jasa bakti beliau merupakan sumbangan terbesar dalam memacu pendidikan Islam di



negeri Selangor. Beliau berpengalaman luas dalam pendidikan, di dalam setiap bait ucap beliau, pasti meletakkan ketertinggian terhadap budaya ilmu dan setiakawan. Buktinya, pada setiap amanat ahli akademik KUIS, beliau pasti kerap kali meletakkan akademik pada tahap puncak dan menaruh percaya penuh pada latar akademik yang tinggi lantas menganjurkan supaya akademik memaksimumkan tahap guna keilmuan dan mendidik jiwa mengikut resmi padi; Makin Berisi Makin Tunduk (Rosfazila 2012).

### **Makin Berisi Makin Tunduk**

Personaliti beliau yang diperkata ramai adalah sangat peramah, kuat ke masjid dan *low profile*. Berdamping dengan beliau tidak meletakkan khalayak di mana-mana protokol melainkan rasa berdamping dekat dengan hati. Sungguh sifat keMelayuan dan KeIslaman beliau terpancar dari gaya tutur dan gaya tindak yang sungguh besederhana (Rosfazila 2012).

## **ANALISIS DATA**

### **KETOKOHAN PENDIDIKAN ISLAM**

Ketokohan adalah tokoh, figura, raut, susuk, kecoh dan rupa (<http://www.artikata.com/arti-382074-ketokohan.html> 31 Ogos 2015). Makna pendidikan Islam pula adalah proses pembentukan keperibadian manusia berkeperibadian Islam yang luhur. Pendidikan Islam bertujuan untuk menjadikannya selaras dengan tujuan utama manusia menurut Islam, yakni beribadah kepada Allah S.W.T. (Amin Hassan 2015). Justeru, ketokohan Pendidikan Islam bermaksud figura, raut, susuk, kecoh dan rupa tokoh kajian dalam membentuk keperibadian manusia berkeperibadian Islam yang luhur yang bertujuan untuk menjadikannya selaras dengan tujuan manusia menurut Islam iaitu beribadah kepada Allah S.W.T. Berikut merupakan ketokohan pendidikan Islam Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman dalam Pendidikan Islam.

### **Ketokohan Falsafah Pendidikan Islam**

Ketokohan Falsafah Pendidikan Islam bermaksud falsafah yang memberi tumpuan kepada faktor kurikulum, peranan guru, kaedah mengajar dan peranan murid yang meletakkan asas kepada perkembangan insan berjiwa kemerdekaan iaitu kepercayaan kepada tuhan (Ann, 2012). Sebagai contoh, berdasarkan pemerhatian yang dibuat, Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman membaitkan falsafah “Semakin Berisi Semakin Tunduk” dan “Pemangkin Tradisi Ilmu” sebagai fokus pencapaian perkembangan Insan merdeka dan percaya kepada tuhan semasa beliau menerajui kepimpinan KUIS (<http://kuis.edu.my>). Petikan ucapan berikut menunjukkan ketokohan falsafah pendidikan Islam beliau melalui aspek visi dan misi serta pencapaian yang syumul.

*“Kita sedang melangkah dan akan terus menghayun langkah. KISDAR memang berpotensi untuk maju, justeru terdapat banyak peluang, ruang, cabaran dan hambatan. Sekali-sekala kita akan menoleh ke belakang untuk belajar daripada kelemahan dan kesilapan lalu, seterusnya menyusun strategi dan memfokus kepada agenda untuk muncul sebagai sebuah institusi perdana bukan sahaja di negeri Selangor tetapi juga di Malaysia dan melakar ke peringkat serantau dan dunia antarabangsa”* (Minda Presiden 2012).

### **Ketokohan Figura**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), figura merupakan perwakilan (representasi) terutamanya bentuk manusia dalam perlambangan. Secara ringkasnya, ketokohan figura adalah suatu

representasi tokoh melalui perlambangan atau yang diberi perlambangan oleh pemerhati terhadap tokoh kajian. Melalui temubual dan pemerhatian ke atas Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman menjelaskan ketokohan figura yang dimiliki oleh beliau menunjukkan representasi tokoh yang amat memberangsangkan. Beliau dilambangkan sebagai seorang yang sangat peramah, kuat ke masjid dan low *profile*. Berdamping dengan beliau tidak meletakkan anda di mana-mana protokol melainkan anda rasa berdamping dekat dengan hati. Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman juga dilambangkan dengan memiliki sifat kemelayuan dan KeIslaman yang tinggi melalui gaya tutur dan gaya tindak yang sungguh besederhana (Rosfazila, 2012). Sajak Khas berikut menunjukkan ketokohan figura Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman melalui perlambangan fikrah, pandangan semesta, personaliti dan jati diri beliau.

Muhasabah Mu'atabah

Jika kau tidak boleh menjadi Meranti di puncak bukit  
Jadilah aur di lembah  
Tetapi aur yang teranggun di sisi bukit  
Jika kau tidak boleh menjadi rimbun, jadilah rumput  
Rumput yang menghiasi jalan di mana-mana  
Jika kau tidak boleh menjadi haruan, jadilah sepat  
Sepat yang terlincih di dalam paya  
Bukan semua orang yang boleh menjadi nakhoda Yang lain seharusnya mengikut sahaja (loyalty) Pasti ada sesuatu untuk kalian  
Satu tugasan sama ada ringan atau berat  
Yang mana awlawiyat dan terdekat  
Jika kau tidak boleh menjadi bulan, jadilah bintang  
Bintang yang menyeri kegelapan malam  
Jika kau tidak boleh menjadi jagung, jadilah keledak  
Bukan ikut saiz besar  
Yang menentukan kau kalah atau menang  
Oleh itu jadilah dirimu sendiri  
Dalam merebut Mardatillah dan  
Menjadi insan yang terbaik! InsyAllah..

“BE YOURSELF”

Disampaikan oleh Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman di Perhimpunan Bulanan Kakitangan KISDAR pada 11 Oktober 2002/ 4 Sya'ban 1423H.

### **Ketokohan Kepakaran**

Ketokohan kepakaran adalah apabila pekerja lain mengiktiraf seseorang itu mempunyai kebolehan tentang pengetahuan dalam bidang tertentu dan kemahiran yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah yang tidak dapat diselesaikan kumpulan tersebut (Noor Amirah 1994). Kepakaran yang dimiliki oleh Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman ialah beliau mempunyai pengalaman luas di dalam bidang pendidikan Islam dengan memiliki latarbelakang peribadi Islam yang baik, latar pendidikan dan akademik dalam bidang Pengajian Islam/ Pendidikan Islam komprehensif lagi konsisten malah beliau pernah memegang beberapa jawatan penting di beberapa organisasi, di antaranya sebagai guru JAIS sehingga beliau dianugerahkan sebagai tokoh guru JAIS bagi tahun 2010, pegawai Tadbir Agama, Pengetua dan Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Islam selama 12 tahun dan merupakan Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dari tahun 2002 hingga 2010 (KISDAR-KUIS). Beliau berperanan besar dalam memacu falsafah, misi dan visi KUIS sebagai sebuah Universiti Pendidikan Tinggi Islam tersohor. Kepakaran Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman diiktiraf melalui lontaran idea beliau, pandangan dan gagasan sebagai seorang ketua Eksekutif yang bertanggungjawab menggubal dasar dan

menggariskan hala tuju KISDAR. Beliau yang menyambung warisan pimpinan dan pengurusan KISDAR masa lalu telah mengemukakan sentuhan, merangka strategi, membuat penyesuaian, jajaran, penyaringan, mengubahsuai pendekatan dan seterusnya melakukan anjakan untuk menyongsong masa ke muka. Hasrat beliau mahukan organisasi mencipta kemajuan dan kecemerlangan berterusan (Minda Presiden, 2004).

### **Ketokohan Rujukan**

Ketokohan rujukan bermaksud pemimpin menjadi tempat rujukan untuk mempengaruhi pekerja melakukan sesuatu perkara dan mendengar masalah pekerja serta memberikan dorongan kepada pekerja (Noor Amirah 1994). Contohnya ketokohan rujukan yang diperolehi daripada Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman ialah sebagai pegawai Tadbir Agama, Pengetua dan Timbalan Pengarah Bahagian dan juga Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa yang berperanan sebagai rujukan kepada pekerja-pekerja bawahannya jika mereka mengalami kemusykilan dalam melakukan aktiviti pengurusan dan akademik. Ketokohan Rujukan ini telah melayakkan Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman menerima anugerah-anugerah iaitu Anugerah Bintang Kebesaran Setia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSA) Oleh DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1996, Anugerah Bintang Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) Oleh DYMM Sultan Selangor (2003) dan telah dianugerahkan Profesor dari Akademi Banking Republik Kazakhstan pada tahun 2009 yang membawa gelaran professor.

### **Ketokohan Bidang**

Menggunakan kaedah kajian kes dengan teknik pemerhatian, temubual dan analisis dokumen, kajian meneliti setiap sudut dalam mengenalpasti gaya ketokohan yang dimiliki oleh Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman. Kajian mengenalpasti bahawa ketokohan yang dimiliki adalah ketokohan bidang pendidikan Islam. Ketokohan Pendidikan Islam adalah satu proses pembentukan keperibadian manusia keperibadian Islam yang luhur yang bertujuan untuk menjadikannya selaras dengan tujuan utama manusia menurut Islam, yakni beribadah kepada Allah S.W.T. Sebagai contoh, ketokohan Pendidikan Islam Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman diaspirasikan daripada aspek falsafah, figura, kepakaran dan rujukan dalam bidang pendidikan Islam. Ilham cipta lagu KUIS berikut menggambarkan aspirasi ketokohan pendidikan Islam Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman mencakupi aspek visi dan misi Pendidikan Islam yang bersepadu dan holistik.

- Pemangkin Tradisi Ilmu -

*Indahnya Pandangan Di Mata  
Halaman Wadah Menabur Jasa  
Membangun Wawasan Mulia  
Di Bawah Payung Mahkota  
Ayuhlah Sematkan Semangat  
Pemangkin Tradisi Ilmu  
Menggilap Permata Bangsa  
Kemilau Seluruh Alam  
Menyepadu Ilmu dan Amal  
Berpaksikan Iman Yang Kental  
Berbekalkan Jiwa Perkasa  
Meniti Arus Perdana  
Teknologi Ilmu Terkini Kreatif Diri,  
Berinovasi Menggapai  
Bintang Di Angkasa Universiti*

*Terus Berjaya*

Ilham Cipta: Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman

Lirik: Azrina Husin

Ciptaan: Mahzan Manan

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan (Crawford & Irving 2009), kajian kes sebagai strategi kajian manakala temu bual dan analisis dokumen sebagai teknik kajian (Ahmad Naquiuddin 2008a; Neuman), di mana pengkaji meneliti setiap sudut dalam menghuraikan ketokohan Pendidikan Islam Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman. Beliau mempunyai latarbelakang peribadi dan akademik yang cemerlang, pengalaman kerjaya yang luas serta turut menerima pelbagai anugerah kecemerlangan serta dipertanggungjawabkan sebagai presiden KISDAR – KUIS pada 2002 hingga 2010. Melalui kaedah kajian yang dilakukan, kajian mengenalpasti bahawa ketokohan yang dimiliki oleh Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman adalah Ketokohan Transformasional Pendidikan Islam. Yukl (1989) mendefinisikan Ketokohan Transformasional sebagai satu proses untuk mempengaruhi perubahan-perubahan yang besar dari segi sikap dan andaian-andaian ahli-ahli sesebuah organisasi dan membina komitmen untuk mencapai misi, objektif dan strategi organisasi berkenaan.

Sebagai contoh, Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman yang memiliki kekuatan ketokohan falsafah, figura, kepakaran, rujukan dan ketokohan bidang telah menelusuri dan telah menjadi sebahagian daripada proses untuk mempengaruhi perubahan-perubahan yang besar dari segi sikap dan andaian-andaian ahli-ahli organisasi-organisasi khususnya KISDAR-KUIS dan membina komitmen untuk mencapai misi, objektif dan strategi organisasi berkenaan iaitu Pemangkin Tradisi Ilmu / Pendidikan Islam. Ketokohan pendidikan Islam Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman adalah selari dengan fokus-fokus kajian ketokohan iaitu meliputi tujuh domain utama iaitu profil, personaliti, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi, dan anugerah serta hadiah. Tambahan pula fokus elemen seperti etika dan penyerapan yang dianjurkan oleh Tolk (2012) sebagai elemen terpenting ketokohan amatlah menonjol pada keperibadian Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman.

Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman merupakan tokoh penting dalam perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor. Ilmu beliau yang luas disertai dengan kepakaran serta perawakan yang berketerampilan dalam hampir semua bidang kajian Pendidikan Islam menjadikan beliau sebagai pusat rujukan penting kajian. Selain sumbangan beliau dalam dunia akademik dan kesarjanaan serta pengurusan, beliau turut terlibat menganggotai agensi dan jawatankuasa penting yang membina Pendidikan Islam sebagai wadah pembangunan. Jasa beliau dalam membentuk Pendidikan Islam yang berkembang sebagai cabang ilmu dan saintifik hari ini sangatlah besar. Keadaan ini menjelaskan kepada kita tentang sumbangan keilmuan Profesor Dato Haji Mohd Adanan Bin Isman dalam bidang Pendidikan Islam sememangnya melayakkan beliau untuk digelar Tokoh Transformasional Pendidikan Islam Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an

Abdrahman Badawi. (2003). *Ensiklopedia Tokoh Orientalis*, Jakarta: LKIS.

- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2005). Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-konsep Asas Falsafah dan Falsafah Pendidikan Negara. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abdul Rahman dan Zakaria Kasa. (1986). Falsafah dan Konsep Pendidikan (Edisi Ketiga). Serdang: Penerbit fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Andreas Tolk. (2012). What Is The Characteristics of a Scholar? USA: SCS & M&S Megazine diakses pada 9 September 2015 daripada [http://www.scs.org/magazines/2012\\_04/index\\_file/Files/Tolk.pdf](http://www.scs.org/magazines/2012_04/index_file/Files/Tolk.pdf).
- Azizi Soon Sang. (2004). Aliran-aliran Falsafah Pendidikan, diakses pada 7 April 2012 daripada <http://abuakhyar1.blogspot.com/>
- Bevoise, W.D. (1984). "Synthesis on The Principal as Instructional Leadership". Educational Leadership. hlm 15-20.
- Blase, J.J. (1987). Dimension of Ineffective School Leadership: The Teachers' Perspective. The Journal of Educational Administration. 25(2): 193-213
- Crawford, J. and Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. Journal of Librarianship and Information Science 41(1), pp. 29-38
- Duke, D.L. (1987). School Leadership and Instructional Improvement. New York: Random House.
- Gary Yukl. (1989). The Importance, Assessment, And Development of Flexible Leadership, practitioner forum presented at the 23rd annual conference of the Society for Industrial-Organizational Psychology, April, 2008. San Francisco, CA.
- Hackman, J. R. & Oldham, G. R. (1976). Motivation Through the Design of work: Test of ATheory. Organizational Behavior and Human Performance 16: Hal. 256-279.
- Hussein Mahmood (1993). Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
[http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhab-fiqh-dan-tasawuf#\\_ftn3](http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhab-fiqh-dan-tasawuf#_ftn3)
- Ikmal Hisham. (2010). Kajian Orang. Fakulti Pendidikan dan Bahasa. Diakses dari kajianorang jais hok.blogspot.my/ pada 5 September 2015.
- JAIS. (2010). Tokoh Guru, diakses pada 3 Julai 2013 daripada <http://pendidikan.jais.gov.my/> <http://kuis.edu.my>
- Kamus Dewan. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Minda Presiden. (2004). Koleksi Ucapan Presiden KISDAR. Bangi : Kolej Islam Selangor Darul Ehsan Sdn. Bhd.
- Mohd Nor. (2008). Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru: Satu Kajian.
- Mok Soon Sang. (2004). Ilmu Pendidikan untuk KPLI. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2010). Falsafah dan Pendidikan di Malaysia, Selangor: Mutimedia Marketing Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2012). Falsafah dan Pendidikan di Malaysia (Edisi Ketiga), Selangor : Penerbitan Mutimedia Sdn. Bhd.
- Noor Amirah. (1994). Kajian tentang pengorganisasian dan kepimpinan di Lembaga Tabung Haji , Jala Tun Razak, diakses pada 9 September 2015 daripada <https://prezi.com/xtuvvm676cpw/kajian-tentang-pengorganisasian-dan-kepimpinan-dilembaga-ta/>
- Rosfazila Binti Abd Rahman. (2012). Profesor Dato' Hj Mohd Adanan Isman Tokoh Pendidik, diakses pada 31 Ogos 2015 daripada <http://fizarose.blogspot.com/>
- Rosfazila Abd Rahman, Abdul Razif Zaini. (2015) Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara: satu kajian Konseptual, Profil dan sumbangan. Prosiding PANTUMN, Persidangan antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015. KUIS.
- Timah Hamzah. (1981). Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu; Satu kajian ketokohan dan kepimpinan, diakses daripada [www. Amazon.co.uk/](http://www.amazon.co.uk/) pada 9 September 2015.
- Zaini Abdullah. (2011). Falsafah dan Perkembangan Pendidikan di Malaysia, Tanjung Malim: UPSI Publications.



**MAKLUMAT PENULIS**

**ROSFAZILA ABD RAHMAN**

Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor (KUIS).  
rosfazila@kuis.edu.my

**SITI RASHIDAH ABD RAZAK**

Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor (KUIS).  
sitirashidah@kuis.edu.my

**ABDUL RAZIF BIN ZAINI**

Isesco,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, (KUIS).  
abdulrazif@kuis.edu.my

**ZETTY NURZULIANA RASHED**

Fakulti Pendidikan,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, (KUIS).  
zetty@kuis.edu.my



